



## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2009/10**

NAMA MATA PELAJARAN : HUBUNGAN ETNIK

KOD : UMS 1122

KURSUS : BBV/BDD/BEE/BFF/BPA/BPB/BPC/  
BPD

TARIKH : NOVEMBER 2009

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : A) JAWAB SEMUA SOALAN  
DALAM BORANG OMR YANG  
DISEDIAKAN DENGAN  
MENGGUNAKAN PENSIL 2B  
SAHAJA

B) DILARANG MEMBAWA  
KERTAS SOALANINI KELUAR  
DARI DEWAN PEPERIKSAAN

- S1 Konsep ini mengkategorikan manusia kepada kelompok berdasarkan ciri-ciri biologi dan fizikal.

Apakah konsep berkenaan?

- A Ras
- B Suku
- C Etnik
- D Bangsa

**Soalan 2 berdasarkan Jadual 1**

Kelompok Ras		Warna Kulit	
O	Negroid	T	Putih
P	Austroloid	U	Hitam
Q	Caucasoid	V	Merah
R	Mongoloid	W	Kelabu
S	American Indian	X	Kuning

Jadual 1

- S2 Padangkan kumpulan ras dan warna kulitnya.

- A O:U, P:W, Q:X, R:T dan S:V
- B O:T, P:W, Q:X, R:U dan S:U
- C O:U, P:W, Q:T, R:X dan S:V
- D O:V, P:X, Q:T, R:W dan S:U

- S3 Konsep etnik merujuk kepada suatu kumpulan manusia yang dicirikan oleh

- A perbezaan geografi.
- B persamaan ideologi.
- C perbezaan kebudayaan.
- D penumpuan gen tertentu.

S4 Masyarakat yang terdiri daripada berbagai kelompok ras atau etnik yang berlainan yang berada di bawah satu sistem pemerintahan dikenali sebagai masyarakat majmuk.

Apakah ciri masyarakat majmuk?

- A Masyarakat yang berpegang kepada nilai dan norma
- B Masyarakat yang mempunyai kebudayaan serumpun
- C Masyarakat yang dibezakan mengikut fizikal sesuatu kaum
- D Masyarakat yang berpegang kepada kebudayaan etnik masing-masing

S5 Jelaskan kepentingan pembinaan bangsa dalam konteks masyarakat majmuk?

- A Mengikat ahli masyarakat melalui ciri-ciri kebudayaan dan aspirasi yang sama
- B Memberi garis panduan bertingkah laku melalui nilai dan norma kepada ahli masyarakat
- C Menyedia sistem set interaksi yang baik kepada ahli masyarakat melalui cara berfikir dan bertindak
- D Mengukur set penilaian untuk menjadi titik rujukan melalui persamaan pegangan dan ideologi kepada ahli masyarakat

S6 Sikap negatif terlalu mendewatakan kebudayaan kelompoknya sendiri dan memandang hina kebudayaan kelompok lain dinamakan

- A rasisme
- B egoisme
- C streotaip
- D etnosentrisme

S7 Budaya boleh menguatkan perpaduan di dalam hubungan etnik dengan menjadikan kumpulan berkenaan terikat kepada kepentingan bersama.

Apakah yang dimaksudkan dengan budaya?


- A Idea yang dikongsi bersama oleh masyarakat tentang apa yang baik, betul dan dikehendaki
- B Cara hidup manusia yang meliputi pemikiran, nilai, pandangan dan perlakuan manusia
- C Satu prinsip umum yang menyediakan anggota masyarakat dengan satu ukuran yang seragam
- D Peraturan dan panduan yang dikongsi bersama bagi mengawal tingkah laku tertentu dalam kehidupan

- S8 Satu proses menyatukan pelbagai kumpulan etnik dari segi biologi dan dalam proses tersebut semua entiti kebudayaan pelbagai kumpulan dicampuradukkan melalui perkahwinan yang akhirnya mewujudkan satu bangsa baru.

Terjemahkan pernyataan di atas mengikut kaedah formula.

- A  $A + B + C = A$
- B  $A + B + C = D$
- C  $A + B + C = A + B + C$
- D  $A_i + B + C = A_i + B_i + C_i$

Soalan 9 berdasarkan Rajah 1



Rajah 1

- S9 Tentukan konsep yang diwakili pada rajah di atas.


- A Asimilasi
- B Akulturasi
- C Pluralisme
- D Amalgamasi

- S10 Amalan bersanding dan penyediaan bunga manggar serta bunga telur merupakan adat resam yang dibawa masuk dan diterima pakai oleh penduduk tempatan.

Nyatakan proses yang telah berlaku di dalam pernyataan di atas.

- A Asimilasi
- B Akulturasi
- C Akomodasi
- D Amalgamasi

Soalan 11 berdasarkan Rajah 2



Rajah 2

S11 Apakah yang dimaksudkan dengan konsep tahap integrasi yang diwakili oleh X?

- A Proses pencantuman dari segi biologi
- B Proses mempertahankan kepelbagaiannya
- C Proses penyerapan kebudayaan sesuatu masyarakat oleh kebudayaan dominan
- D Proses peminjaman dan penerimaan unsur kebudayaan di kalangan kelompok lain

S12 Apakah matlamat **utama** berintegrasi?

- A Mewujudkan masyarakat majmuk yang harmoni
- B Menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju
- C Membawa kesejahteraan kepada rakyat tanpa mengira kaum
- D Mewujudkan identiti nasional dalam kalangan kumpulan yang terpisah

S13 Di Jawa terdapat seorang raja Hindu yang menggunakan nama Arab dan melayani para pedagang Eropah.

Apakah gambaran yang **tepat** tentang pernyataan di atas mengenai Alam Melayu?

- A Alam Melayu merupakan wilayah yang menjadi persinggahan para pedagang Eropah
- B Alam Melayu merupakan wilayah yang menjadi tempat perdagangan para peniaga di seluruh dunia
- C Alam Melayu merupakan wilayah yang menjadi tempat pertemuan pelbagai tamadun dan budaya dunia
- D Alam Melayu merupakan wilayah yang menjadi tempat pertembungan tamadun Melayu dan tamadun Eropah

- S14 Pernyataan berikut membuktikan bahawa zaman empayar Melaka boleh dianggap sebagai puncak pluraliti di alam Melayu sebelum penjajahan barat kecuali
- A pemerintah Melaka mengutamakan penduduk peribumi di dalam pentadbiran istana bagi mengawal kegiatan bangsa lain.
  - B setiap budaya kaum yang ada di Melaka mempunyai tempat masing-masing dalam kota multi-budaya.
  - C perlembagaan Melaka berasaskan ajaran Islam menyumbang kepada kemakmuran Melaka dan keharmonian rakyat pelbagai kaum.
  - D pedagang asing dari Arab, China dan India telah berasimilasi dengan penduduk tempatan sehingga wujud masyarakat baru seperti Baba dan Nyonya.
- S15 Kedatangan British di Tanah Melayu telah mengubah epistemologi metafizik bersifat non-material kepada epistemologi fizikal bersifat rasional saintifik.
- Berdasarkan pernyataan di atas, apakah asas epistemologi tersebut?
- A Pengamalan metod kepercayaan ghaib dan dibuktikan dengan pemikiran rasional
  - B Pengenalan kepada ilmu kapitalisme dan diperkuuhkan dengan fahaman demokratik
  - C Penekanan kepada ideologi sekularirtik dan diperkuatkan dengan aliran individuisme
  - D Pembuktian secara material menerusi pancaindera dan dipertingkatkan dengan kaedah saintifik
- S16 Apakah faktor terbentuknya masyarakat pluralistik di Tanah Melayu?
- A Perkembangan perusahaan getah mulai abad ke-19
  - B Penghijrahan orang Cina dan India secara besar-besaran
  - C Perkembangan bijih timah mulai pertengahan abad ke-20
  - D Penghijrahan pedagang Cina dan India secara beramai-ramai

- S17 Apakah implikasi dasar pecah dan perintah yang diperkenalkan oleh British terhadap masyarakat di Tanah Melayu?
- I Pemetakan petempatan  
II Permasalahan intra etnik  
III Pengkhususan tenaga kerja  
IV Pembentukan masyarakat majmuk
- A I dan II  
B I, III dan IV  
C II, III dan IV  
D Semua di atas
- S18 Manakah di antara berikut **bukan** merupakan ciri-ciri masyarakat pluraliti baru?
- A Pemerintah dan yang diperintah berlainan bangsa dan hidup dalam satu budaya  
B Bangsa yang berbeza tetapi mempunyai keinginan yang sama seperti keamanan dan kesejahteraan  
C Satu set nilai, budaya dan politik yang dikongsi oleh masyarakat yang berbeza melalui persetujuan kebangsaan  
D Pembentukan masyarakat secara semulajadi, tanpa paksaan dan berlaku asimilasi budaya secara sukarela dengan budaya tempatan
- S19 Kerajaan British hanya mengadakan rundingan dengan Raja-Raja Melayu dan UMNO sahaja dalam rangka menyemak semula perlembagaan Malayan Union.
- Apakah alasan kukuh berkenaan tindakan British itu?
- A Malayan Union hanya mendapat sokongan oleh Raja-Raja Melayu dan orang Melayu sahaja  
B British sedar kepentingannya di Tanah Melayu tetap bergantung kepada sokongan Raja-Raja Melayu dan UMNO  
C Memujuk Raja-Raja Melayu dan UMNO agar menerima perubahan perlembagaan yang dirancang oleh British  
D Memberi peluang kepada Raja-Raja Melayu dan UMNO terlibat dalam penyemakan semula perlembagaan Malayan Union

- S20 Kontrak sosial merupakan satu tolak ansur di antara orang Melayu, Cina dan India melalui UMNO, MCA dan MIC.

Apakah elemen yang terkandung di dalam kontrak sosial?

- A Bahasa Melayu dimartabat sebagai bahasa kebangsaan
- B Islam diangkat sebagai agama rasmi Wilayah Persekutuan
- C Melayu menerima hakikat kedudukan istimewa orang bukan Melayu
- D Hak kewarganegaraan merupakan satu kompromi orang bukan Melayu kepada orang Melayu

**Soalan 21 berdasarkan Jadual 2**

Perkara		Peruntukan	
O	Perkara 3(1)	X	Islam ialah agama bagi Persekutuan
P	Perkara 32(1)	Y	Yang di-Pertuan Agong ialah Ketua Negara
Q	Perkara 153 (2)	Z	Kedudukan Istimewa Melayu dan bumiputera Sabah serta Sarawak

**Jadual 2**

- S21 Padangkan perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan dengan peruntukannya.

- A O:X, P:Z dan Q:Y
- B O:Y, P:X dan Q:Z
- C O:X, P:Y dan Q:Z
- D O:Z, P:X dan Q:Y

- S22 Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan telah memaktubkan bahawa

- A kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama.
- B kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan selepas bahasa Inggeris.
- C kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa moden selaras dengan bahasa Inggeris.
- D kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tanpa menafikan bahasa-bahasa lain.

S23 Keputusan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah dipersetujui oleh semua pihak amnya.

Pilih pernyataan paling **tepat** mengenai rasional bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan?

- A Bahasa Melayu adalah bahasa pemilik negeri ini
- B Bahasa Melayu sahaja yang mempunyai tulisan jawi dan rumi
- C Bahasa Melayu pada ketika itu mempunyai penutur yang lebih ramai berbanding dengan penutur di dalam bahasa Mandarin atau Tamil
- D Bahasa Melayu mempunyai pertimbangan kata yang lebih banyak daripada bahasa-bahasa lain yang dituturkan oleh penduduk negara ini

S24 Apakah yang dimaksudkan dengan konsep raja berperlembagaan?

- A Yang di-Pertuan Agong mempunyai kedudukan tertinggi mengikut perlembagaan
- B Raja atau sultan tidak terlepas daripada penghakiman seperti yang termaktub di dalam perlembagaan
- C Kuasa dan institusi Yang di-Pertuan Agong, raja atau sultan diwujudkan, dipertahankan dan didasarkan kepada perlembagaan
- D Raja berperlembagaan adalah warisan sejarah Empayar Kesultanan Melayu Melaka yang dipermodenkan menerusi perlembagaan

S25 Perkara 165 Perlembagaan Persekutuan telah memasukkan 20 peruntukan Sabah yang meliputi

- I tiada agama rasmi bagi negeri berkenaan
- II bahasa Inggeris digunakan tanpa had masa
- III imprest dikuasi pusat tetapi pengawalan keluar masuk di bawah negeri
- IV bumiputera Sabah mendapat hak istimewa seperti orang Melayu di Tanah Melayu

- A I dan II
- B III dan IV
- C II, III dan IV
- D I, II, III dan IV

- S26 “Tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.”

Perlembagaan Persekutuan

Pernyataan di atas menerangkan bahawa

- A agama lain dibenarkan pengamalannya setara dengan agama persekutuan.
  - B agama lain bebas pengamalannya tetapi tidak kepada agama persekutuan.
  - C agama lain bebas untuk diamalkan walaupun Islam adalah agama persekutuan.
  - D agama lain hanya boleh diamalkan setelah memberi laluan kepada agama persekutuan.
- S27 Pilih pernyataan **tepat** berkaitan perjuangan sentimen oleh parti-parti politik yang telah mencetuskan Peristiwa 13 Mei 1969.
- I Desakan supaya kedudukan istimewa Melayu dikekalkan
  - II Propaganda *Malaysian Malaysia* memancarkan sentimen perkauman yang bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia
  - III Mempertahankan kewujudan sekolah berbilang aliran dan sekolah yang bercanggah dengan gagasan perpaduan kebangsaan
  - IV Tuntutan mendaulatkan bahasa Inggeris, Cina dan Tamil sebagai bahasa rasmi yang menggugat kedudukan bahasa kebangsaan
- A I dan II
  - B III dan IV
  - C I, II dan III
  - D II, III dan IV
- S28 Apakah kesan tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969?
- A Pengenalan Rancangan Malaysia
  - B Pembentukan Majlis Amanah Rakyat
  - C Penubuhan *Federal Land Development Authority*
  - D Pengisytiharan Rangka Rancangan Jangka Panjang

- S29 Berikut ialah pengajaran penting yang diperolehi daripada peristiwa 13 Mei 1969 dalam menjamin hubungan baik antara kaum di Malaysia **kecuali**
- A kepentingan hidup bersama dalam pelbagai lapangan kehidupan.
  - B parti politik yang berbentuk perkauman seharusnya dihapuskan.
  - C mempertahankan demokrasi bagi mewujudkan persamaan dalam kalangan rakyat.
  - D mematuhi undang-undang negara bagi menjamin kemanan dan ketenteraman berterusan.
- S30 Apakah titik perubahan **utama** yang berpunca daripada Peristiwa 13 Mei 1969?
- A Usaha-usaha meningkatkankekayaan etnik Melayu telah diberi keutamaan
  - B Usaha-usaha pengukuhan politik giat dilaksanakan dengan penubuhan Barisan Nasional
  - C Usaha-usaha memperkasakan demokrasi berparlimen melalui pemerintahan berkualiti
  - D Usaha-usaha serius ditumpukan bagi mengurus perbezaan dan sensitiviti yang terdapat dalam masyarakat majmuk
- S31 Manakah merupakan strategi bagi mengurangkan dan membasmi kemiskinan dalam kalangan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dalam Dasar Ekonomi Baru?
- A Memajukan negeri dan kawasan yang mundur
  - B Menambahkan bahagian rakyat Malaysia dalam pemilikan modal
  - C Menambahkan daya pengeluaran dan pendapatan melalui teknik moden dan kemudahan yang lebih baik
  - D Mengimbangkan pemodenan kehidupan desa dan pertumbuhan kegiatan bandar dengan meninggikan daya pengeluaran
- S32 Kenal pasti strategi dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang 1 bagi menyusun semula masyarakat supaya pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dihapuskan.
- A Menambahkan daya pengeluaran menggunakan teknik moden
  - B Mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
  - C Menyediakan perkhidmatan sosial secara percuma dengan lebih meluas
  - D Membasmi kemiskinan mutlak disamping mengurangkan kemiskinan relatif

S33 Agensi ini ditubuhkan untuk merancang pembangunan ekonomi masyarakat desa.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah agensi yang dimaksudkan?

- A UDA
- B RIDA
- C FELDA
- D FELCRA

S34 Bagaimanakah pembangunan yang seimbang dapat dilaksanakan bagi mengurangkan jurang perbezaan pembangunan ekonomi dan sosial di antara wilayah serta negeri maju dengan yang mundur?

- A Menyebarluaskan industri dari pusat bandar ke kawasan-kawasan kurang maju
- B Menyediakan perkhidmatan sosial secara percuma atau subsidi lebih meluas
- C Mewujudkan keseimbangan optimum antara matlamat pertumbuhan ekonomi dengan pengagihan saksama
- D Menambahkan peluang untuk menukar kegiatan yang mempunyai daya pengeluaran yang rendah kepada yang tinggi

S35 Pelbagai insentif telah disediakan oleh kerajaan bagi mewujudkan masyarakat perindustrian bumiputera **melainkan**

- A memberi bantuan kewangan dan latihan kepada usahawan bumiputera.
- B membantu masyarakat bumiputera menubuhkan perusahaan kecil dan sederhana.
- C menyediakan ruang usahasama di antara usahawan bumiputera dengan bukan bumiputera.
- D membeli premis perniagaan milik bumiputera yang gagal dan menyewakan kepada usahawan bumiputera.

S36 Manakah strategi penyelesaian masalah kemiskinan jangka panjang bagi menjamin perpaduan etnik di Malaysia?

- I Mempertingkatkan taraf dan kualiti hidup
  - II Merapatkan jurang pendapatan di antara etnik
  - III Memastikan pengagihan pendapatan sama rata
  - IV Menambahkan daya pengeluaran dan pendapatan
- A I dan II
  - B III dan IV
  - C I, II dan IV
  - D I, II, III dan IV

S37 Apakah faktor **utama** yang mewarnai kemunculan parti-parti politik Malaysia?

- A Keadaan toleransi yang kurang di antara kaum
- B Kesan daripada liberalisasi politik antarabangsa
- C Metod pengukuhan perpaduan dalam kalangan etnik
- D Sifat perkauman demi memelihara kepentingan masing-masing

S38 Penentangan terhadap Malayan Union merupakan reaksi spontan orang Melayu terhadap keputusan yang boleh menjaskan hak dan status quo mereka.

- Mengapakah politik awal Melayu dikaitkan dengan penentangan Malayan Union?
- A Kuasa raja-raja Melayu sangat terbatas
  - B Status kerakyatan yang diberikan secara saksama
  - C Kedudukan agama-agama mempunyai taraf yang sama
  - D Hak sama rata diberikan kepada sebahagian warganegara sahaja

S39 Kemenangan besar Parti Perikatan dalam pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955 membawa pengertian berikut **kecuali**

- A rakyat pelbagai kaum bersedia untuk bersatu untuk menuntut kemerdekaan.
- B rakyat pelbagai kaum membuktikan bahawa mereka boleh bertolak ansur dan bekerjasama.
- C rakyat pelbagai kaum menerima hakikat untuk hidup bersama etnik lain dalam sebuah pemerintahan.
- D rakyat pelbagai kaum memberi isyarat bahawa mereka mahukan sebuah parti pelbagai kaum ditubuhkan.

S40 Parti X adalah parti terawal yang ditubuhkan di Sarawak dan pucuk pimpinan dimonopoli oleh etnik Cina.

Apakah Parti X?

- A Parti Negara Sarawak (PANAS)
- B Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP)
- C Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP)
- D Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA)

S41 Nyatakan cara bagi mengurangkan persaingan tidak sihat di antara parti-parti politik berasaskan etnik di dalam pilihanraya?

- A Mengharamkan kempen kepada mana-mana parti politik
- B Menapis calon yang bertanding oleh Suruhanjaya Pilihanraya
- C Mengurangkan bilangan parti politik yang menyertai pilihanraya
- D Mematangkan masyarakat tentang sistem politik dan amalan demokrasi

S42 Apakah penyumbang **utama** kejayaan kepimpinan negara dalam menyatupadukan pelbagai etnik di Malaysia?

- A Setiap kumpulan etnik turut menyumbang ke arah pembangunan negara
- B Pemerintahan berdasarkan kehendak majoriti tetapi hak minoriti tetap terjamin
- C Setiap kumpulan etnik ingin hidup secara harmoni mengatasi perkara-perkara lain
- D Tahap kepatuhan setiap kumpulan etnik terhadap kepimpinan negara berada pada tahap tertinggi

S43 Apakah kepentingan Dasar Pendidikan Kebangsaan diperkenalkan?

- A Melahirkan masyarakat yang berdaya tahan
- B Mewujudkan pembangunan sumber manusia
- C Menerapkan nilai dan amalan positif kepada masyarakat
- D Membentuk identiti kebangsaan dan perpaduan negara

- S44 Berikut merupakan strategi pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan bagi memupuk kesedaran dan perpaduan kebangsaan iaitu
- A pelenturan bidangan mengikut kesesuaian
  - B penekanan terhadap pendemokrasian pendidikan
  - C penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar
  - D pengaplikasian dual kurikulum bagi sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan
- S45 Rukun Negara sebagai ideologi kebangsaan telah digubal berikutan peristiwa 13 Mei 1969.
- Apakah tujuan yang paling tepat tujuan Rukun Negara diadakan?
- A Memandu tindakan rakyat supaya peristiwa 13 Mei 1969 tidak berulang
  - B Memastikan demokrasi yang telah digantung berikutan peristiwa 13 Mei 1969 dipulihkan
  - C Menjelaskan tanggungjawab rakyat bagi memupuk nilai bersama untuk membina sebuah masyarakat berbilang kaum yang aman dan maju
  - D Mengadakan prinsip-prinsip tindakan dalam sebuah negara pelbagai keturunan supaya semua pihak terkawal daripada menimbulkan kekacauan
- S46 Apakah yang dimaksudkan dengan prinsip Keluhuran Perlembagaan di dalam Rukun Negara?
- A Perlembagaan melahirkan rakyat yang berakhhlak mulia
  - B Keadilan rakyat dijamin oleh undang-undang dalam perlembagaan
  - C Rakyat perlu menghormati dan mematuhi perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi
  - D Rakyat mestilah taat setia kepada raja dan negara seperti yang termaktub di dalam perlembagaan
- S47 Dasar Kebudayaan Kebangsaan membolehkan proses pembentukan kebudayaan nasional melalui perancangan yang teliti supaya dapat melahirkan cara hidup yang bersifat ke-Malaysia-an.
- Apakah kepentingan **utama** Dasar Kebudayaan Kebangsaan?
- A Melambangkan pendemokrasian masyarakat majmuk
  - B Memperkenalkan budaya setiap etnik kepada masyarakat
  - C Memastikan budaya setiap etnik tidak hilang disebabkan perubahan
  - D Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan ke arah perpaduan

- S48 Berikut merupakan prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan kecuali
- A berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini.
  - B bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa komunikasi.
  - C unsur kebudayaan lain yang sesuai adalah wajar diterima.
  - D Islam dijadikan unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.
- S49 Pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu padu di dalam Wawasan 2020 boleh diwujudkan melalui
- I penggambaran rasa bangga mengidentifikasi diri sebagai warga negara Malaysia.
  - II pembinaan masyarakat yang bersatu padu berlandaskan penguatkuasaan undang-undang.
  - III penerimaan Malaysia oleh rakyatnya sebagai tanah air tunggal dengan penuh kesetiaan.
  - IV kerjasama komited oleh rakyatnya bagi menjayakan cita-cita negara yang dikongsi bersama.
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D I, II, III dan IV
- S50 Apakah yang dimaksudkan dengan mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur di dalam cabaran Wawasan 2020?
- A Masyarakat yang bermuafakat, mesra dan bertimbang rasa
  - B Sistem sosial yang mementingkan masyarakat lebih dari diri sendiri
  - C Masyarakat yang berorientasikan demokrasi Malaysia dan berdasarkan muafakat
  - D Rakyat yang bebas mengamalkan idea, kebudayaan dan kepercayaan masing-masing
- S51 Agama mampu menjadi pemangkin dalam mewujudkan keharmonian dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik melalui
- A upacara ibadat.
  - B ilmu pengetahuan.
  - C majlis dan perayaan.
  - D penghayatan dan amalan agama.

- S52 Pernyataan di bawah adalah benar mengenai asas Islam Hadhari diperkenalkan **melainkan**
- A Islam telah menjadi gaya hidup dan amalan tradisi orang Melayu.
  - B Islam telah menjadi asas fundamental dalam legitimasi orang Melayu.
  - C Islam dalam sejarah kehidupan orang Melayu sudah termaktub lebih 500 tahun.
  - D Islam telah menjadi pemangkin dalam sistem kehidupan ekonomi, politik dan sosial orang Melayu.
- S53 Antara pernyataan berikut, yang manakah **benar** mengenai peruntukan berkaitan dengan kedudukan agama dalam Perlembagaan Persekutuan?
- I Islam merupakan agama Persekutuan.
  - II Setiap orang diberi kebebasan untuk menganuti agama pilihan masing-masing.
  - III Kuasa menggubal perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam terletak di bawah kuasa parlimen.
  - IV Seiring dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi, kerajaan pusat dan negeri boleh memperuntukkan sejumlah wang untuk pertubuhan-pertubuhan Islam.
- A I dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D I, II, III dan IV
- S54 Manakah pernyataan berikut **bukan** usaha pihak kerajaan membangunkan ekonomi seimbang dan komprehensif berdasarkan pendekatan Islam Hadhari?
- A Pertumbuhan ekonomi yang mapan
  - B Kerajaan dan swasta berperanan secara bersepada
  - C Mempertahankan pencapaian ekonomi bumiputera
  - D Memantapkan pembangunan ekonomi yang beretika

S55 Semua rakyat adalah sama di sisi perundangan tanpa ada sebarang perbezaan. Mereka berhak mengcapai pembangunan tanpa sebarang sekatan.

Apakah prinsip Islam Hadhari yang merujuk pernyataan di atas?

- A Kehidupan Berkualiti
- B Rakyat Berjiwa Merdeka
- C Penguasaan Ilmu Pengetahuan
- D Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti dan Wanita

S56 Pendekatan *top-down* dan *bottom-up* merupakan usaha yang penting bagi memelihara keharmonian hubungan etnik?

Apakah yang dimaksudkan dengan pendekatan *top-down* dan *bottom-up*?

- A Kerajaan berperanan dalam mewujudkan hubungan harmonis di antara kaum
- B Masyarakat berperanan dalam mewujudkan hubungan harmonis di antara kaum
- C Swasta, NGO dan masyarakat berperanan dalam mewujudkan hubungan harmonis di antara kaum
- D Kerajaan, swasta dan masyarakat berperanan dalam mewujudkan hubungan harmonis di antara kaum

S57 Alternatif untuk memupuk perpaduan dengan membina 2 atau 3 sekolah rendah baru yang berlainan bahasa pengantar dan pentadbiran dalam kawasan yang sama serta berkongsi kemudahan asas.

Apakah bentuk sekolah berdasarkan pernyataan di atas?

- A Sekolah Bestari
- B Sekolah Wawasan
- C Sekolah Bersepadu
- D Sekolah Kebangsaan

- S58 Manakah pendekatan terkini di dalam semangat kejiraninan yang diamalkan dalam Rukun Tetangga?
- A Penduduk bekerjasama melakukan perkara yang berfaedah  
B Anggota masyarakat berbangga dan sayang terhadap komuniti setempat  
C Penduduk bertanggungjawab terhadap kemanan dan keharmonian setempat  
D Masyarakat dibangunkan secara menyeluruh untuk mewujudkan perpaduan nasional
- S59 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai konsep bangsa Malaysia.
- I Merujuk kepada satu cita-cita politik yang sama.  
II Memberi penekanan kepada semangat kebangsaan.  
III Mengguna konsep payungan dalam hubungan dominan-minoriti.  
IV Menganggap hubungan harmonis dalam masyarakat adalah penting.
- A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C II, III dan IV  
D I, II, III dan IV
- S60 Pilih pernyataan yang **tepat** mengenai perlunya keharmonian hubungan etnik dalam sesebuah negara?
- I Mencerminkan struktur sosial sesebuah negara  
II Menggambarkan perkembangan sejarah dan sosio-ekonomi  
III Mengelakkan ketegangan sosial dalam sesebuah masyarakat  
IV Memastikan dasar dan perancangan pembangunan negara berjalan lancar
- A I dan II  
B III dan IV  
C II, III dan IV  
D I, II, III dan IV